

# Dermaiswa ringankan beban pelajar daripada famili...

By NUR FATHIN AWALLUDIN nfathin@sph.com.sg

Berita Harian

Tuesday 27th October 2020

684 words

Page 3 | Section: General

825cm on the page



BERITA

## Dermaiswa ringankan beban pelajar daripada famili susah

Bantu pelajar perakaunan Poly Ngee Ann lebih fokus pada pelajaran, kerja keras demi capai cita-cita masuk universiti

► NUR FATHIN AWALLUDIN  
nfathin@sph.com.sg

SEJAK beberapa tahun kebelakangan, keluarganya hampir tiada pendapatan.

Ibunya yang berusia 48 tahun tidak bekerja sejak 2015 kerana mahu menjaga adik bongsunya yang bersekolah di madrasah sepenuh masa.

Bapa tirinya, 41 tahun, berulang-alik antara Singapura dengan Batam setelah memulakan syarikat sendiri. Namun sekitar empat tahun lalu, apabila harga minyak dan gas menjunam dengan banyaknya mengakibatkan krisis dalam industri tersebut, perniagaan bapa tirinya turut menderita.

Daripada situlah bermula keperitan kewangan keluarga Cik Nur Suhaila, yang tidak selesa berkongsi nama penuhnya.

Pelajar tahun ketiga jurusan perakaunan di Politeknik Ngee Ann (NP) itu berkata sejak krisis industri minyak dan gas tersebut, syarikat bapa tirinya ditimbuni hutang dan tidak mendapat sebarang projek.

Duit simpanan ibu barunya itu digunakan untuk membayar gaji pekerja dan pinjaman bank.

"Apabila masalah kewangan kami bermula, bapa kandung saya ada beri saya dan adik lelaki saya wang saku untuk sekolah. Tapi beliau berhenti kerja setahun lalu, jadi sejak itu beliau tak dapat beri kami wang sekolah lagi," cerita Cik Suhaila, 19 tahun.

Menurutnya, bapa kandungnya pernah bekerja dalam industri logistik tetapi kini sukar mendapat pekerjaan baru kerana usianya yang lanjut.

Cik Suhaila mempunyai seorang adik lelaki, 17 tahun, yang juga pelajar NP, dan seorang lagi adik berusia lapan tahun, hasil perkahwinan kedua ibunya.

Sejak masalah kewangan menghimpit keluarganya, beberapa saudara-mara membantu dengan memberi barangan dapur.



**LEGA SEDIKIT KESEMPITAN:**  
Dermaiswa ISCA Cares yang diterima Cik Nur Suhaila baru-baru ini membantu beliau menampung keperluan hariannya. – Foto BH oleh NUR FATHIN AWALLUDIN

Ibunya juga membeli bahan makanan lebih murah untuk menjimat wang. Selain itu, bantuan daripada Pejabat Khidmat Sosial (SSO) dan Pusat Khidmat Keluarga (FSC) membolehkan mereka melunaskan bil api air.

Bapa tirinya memberi sedikit wang apabila beliau mampu, ketika 'terkandas' di Batam sejak permulaan pandemik Covid-19 awal tahun ini. Beliau baru-baru ini dapat pulang ke pangkuan keluarga di Singapura.

Cik Suhaila dan adiknya juga bekerja sambil semasa cuti sekolah dan gaji yang diterima mereka ditabung untuk digunakan bagi keperluan mereka sendiri.

Mujur baru-baru ini, Cik Suhaila menerima dermaiswa Institut Akauntan Bertauliah Singapura (ISCA) Cares, yang membantunya dalam menanggung keperluan harian.

Penerima biasiswa itu juga diberi peluang dibimbing oleh profesional perakaunan berpengalaman selama setahun, dan boleh memohon program latihan amali (internship) di pejabat pendermna korporat di mana mereka boleh meraih pengalaman bekerja dalam bidang perakaunan.

Tahun ini, akibat pandemik Covid-19, ISCA Cares menambah jumlah penerima bantuan mereka kepada 83 orang daripada sembilan institusi pendidikan tinggi, dengan dermaiswa berjumlah \$160,000.

Tahun lalu, 36 individu menerima dermaiswa berjumlah \$110,000.

Pengerusi ISCA Cares, Cik Lim Hwee Hua, berkata: "Dalam masa krisis, keluarga berpendapatan rendah antara golongan paling teruk terjejas. Ini menjadikannya lebih penting bagi ISCA Cares membantu beliau daripada keluarga kurang bernaesib baik mengharungi masa sukar ini."

Masa sukar beberapa tahun lalu menjejaskan sedikit kebolehan beliau fokus di sekolah, ujar Cik Suhaila.

"Apabila bapa (kandung) saya tak dapat beri wang sekolah lagi, saya risau dan ia menjejaskan pelajaran saya, tapi dengan adanya dermaiswa ini, saya kurang bimbang dan dapat

"Gred yang saya dapat turun sedikit (dek masalah kewangan keluarga), tetapi saya masih bekerja keras kerana saya mahu pergi ke universiti. Itulah salah satu matlamat peribadi saya – masuk universiti – jadi ia benar-benar membakar semangat saya untuk terus bekerja keras. Selain ingin ibu bapa saya bangga akan pencapaian saya, saya rasa universiti merupakan batu loncatan untuk mendapatkan kerja sepenuh masa baik pada masa hadapan, dan menjadi stabil dari segi kewangan agar saya dapat menyara keluarga saya."

– Cik Nur Suhaila, yang tidak selesa berkongsi nama penuhnya.

fokus lebih baik, terutama dalam pengal-akhir saya.

"(Pada waktu itu), gred yang saya dapat turun sedikit, tetapi saya masih bekerja keras kerana saya mahu pergi ke universiti.

"Itulah salah satu matlamat peribadi saya – masuk universiti – jadi ia benar-benar membakar semangat saya untuk terus bekerja keras."

"Selain ingin ibu bapa saya bangga akan pencapaian saya, saya rasa universiti merupakan batu loncatan untuk mendapatkan kerja sepenuh masa baik pada masa hadapan, dan menjadi stabil dari segi kewangan agar saya dapat menyara keluarga saya," ujarnya.